



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR KAEDAH PENDAPATAN

**KDNK nominal Malaysia mencapai RM2.03 trilion pada tahun 2025,
dengan Pampasan pekerja menyumbang 33.9 peratus**

PUTRAJAYA, 29 JULAI 2026 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Kaedah Pendapatan 2025 yang diterbitkan hari ini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), mengukur pendapatan yang terakru daripada aktiviti pengeluaran dalam ekonomi. Penerbitan ini membentangkan komposisi KDNK mengikut komponen pendapatan iaitu Pampasan Pekerja (PP), Lebihan Kendalian Kasar (LKK) dan Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import (Cukai bersih), yang memberikan gambaran mengenai pengagihan pendapatan dalam ekonomi.

Dalam kenyataan hari ini, DOSM menyatakan bahawa KDNK nominal Malaysia berkembang sebanyak 4.8 peratus kepada RM2.03 trilion pada tahun 2025. Daripada jumlah keseluruhan, PP menyumbang sebanyak 33.9 peratus berbanding 33.6 peratus pada tahun 2024. PP meningkat 5.8 peratus, mengatasi pertumbuhan ekonomi keseluruhan, sekali gus meningkatkan sumbangan pampasan pekerja dalam KDNK. Dalam pada itu, LKK yang merangkumi 62.0 peratus kepada KDNK mencatatkan pertumbuhan 2.1 peratus. Sementara itu, Cukai bersih melonjak sebanyak 53.7 peratus, meningkatkan sumbangannya kepada 4.1 peratus kepada KDNK.

Peningkatan PP pada tahun 2025 seiring dengan prestasi yang lebih baik dalam pasaran buruh, dengan penduduk bekerja meningkat sebanyak 1.3 peratus dan produktiviti buruh per pekerja berkembang sebanyak 4.0 peratus. Di samping itu, penyelarasan gaji minimum kepada RM1,700 serta pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) turut menyumbang kepada pampasan pekerja yang lebih tinggi pada tahun tersebut.

Mengikut sektor, PP dalam sektor Perkhidmatan berkembang 6.2 peratus, dengan peningkatan dicatatkan dalam semua subsektor terutamanya Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman serta penginapan. Sektor Pembinaan mencatatkan peningkatan 11.4 peratus, diikuti oleh sektor Pembuatan dengan pertumbuhan

2.5 peratus, disokong terutamanya oleh aktiviti Produk mineral bukan logam, logam asas serta produk logam yang direka. Sementara itu, PP dalam sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing bertumbuh 6.5 peratus dan 3.2 peratus.

Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar dalam PP yang merangkumi 62.6 peratus daripada jumlah keseluruhan PP pada tahun 2025, seiring dengan komposisi gunatenaga sektor ini yang paling besar. Sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing menyumbang 21.8 peratus dan 9.5 peratus, manakala sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian, masing-masing mewakili 3.9 peratus dan 2.3 peratus.

Pertumbuhan LKK didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan (5.2%), Pertanian (5.0%) dan Pembinaan (2.1%). Sebaliknya, LKK dalam sektor Pembuatan dan Perlombongan & Pengkuarian masing-masing menurun 0.5 peratus dan 11.0 peratus. Dari segi sumbangan, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar iaitu sebanyak 55.5 peratus pada tahun 2025 dan diikuti oleh sektor Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 22.6 peratus.


Cukai bersih berjumlah RM83.5 bilion pada tahun 2025. Peningkatan ini terutamanya dipacu oleh hasil pencukaian yang lebih tinggi berserta pengurangan dalam subsidi. Cukai ke atas pengeluaran dan import berkembang 12.9 peratus, disokong oleh kutipan yang lebih tinggi daripada cukai perkhidmatan dan duti import. Sementara itu, subsidi menyusut 36.5 peratus berikutan pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi bahan api.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
29 JULAI 2026


Carta 1: Perubahan Peratusan Tahunan Komponen Pendapatan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Pampasan Pekerja mengikut Sektor


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 3: Perubahan Peratusan Tahunan dan Sumbangan Lebih Kendalian Kasar mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Prestasi Cukai tolak Subsidi ke atas Pengeluaran dan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

GROSS DOMESTIC PRODUCT INCOME APPROACH

Malaysia's nominal GDP reached RM2.03 trillion in 2025, with Compensation of employees contributing 33.9 per cent

PUTRAJAYA, 29 JULY 2026 – The Gross Domestic Product (GDP) Income Approach 2025 released today by the Department of Statistics Malaysia (DOSM), measures the income accruing from production in the economy. The publication presents the composition of GDP by income component namely Compensation of Employees (CE), Gross Operating Surplus (GOS) and Taxes less Subsidies on Production and Imports (Net taxes), offering insights into the distribution of income in the economy.

In a statement today, DOSM stated that Malaysia's nominal GDP expanded by 4.8 per cent to RM2.03 trillion in 2025. Of the total, CE accounted for 33.9 per cent as compared to 33.6 per cent in 2024. CE rose 5.8 per cent, outpacing the overall economic growth, resulting a higher share of employees' compensation in GDP. In the meantime, GOS which representing 62.0 per cent of GDP, recorded a growth of 2.1 per cent. Meanwhile, Net taxes surged by 53.7 per cent, lifting its contribution to 4.1 per cent of GDP.

The increase of CE in 2025 was in line with improvements in labour market performance, with employment increased by 1.3 per cent and labour productivity per employment expanding by 4.0 per cent. In addition, the revision of the minimum wage to RM1,700 and the implementation of the Public Service Remuneration System (SSPA) contributed to higher compensation of employees during the year.

By sector, CE in the Services sector rose by 6.2 per cent, with increases recorded in all sub-sectors, particularly Wholesale and retail trade, food & beverages and accommodation. The Construction sector recorded an increase of 11.4 per cent, followed by the Manufacturing sector with a growth of 2.5 per cent, mainly supported by Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products activities. Meanwhile, CE in Agriculture and Mining & quarrying sectors grew by 6.5 per cent and 3.2 per cent, respectively.

The Services sector made up the largest share of CE, accounting for 62.6 per cent of the total CE in 2025, in line with its largest share of employment. The Manufacturing and Construction sectors contributed 21.8 per cent and 9.5 per cent, respectively, while the Agriculture and Mining & quarrying sectors accounted for 3.9 per cent and 2.3 per cent, respectively.

The growth of GOS was primarily driven by the Services (5.2%), Agriculture (5.0%) and Construction (2.1%) sectors. In contrast, GOS in the Manufacturing and Mining & quarrying sectors declined by 0.5 per cent and 11.0 per cent, respectively. In terms of share, the Services sector accounted for the largest share at 55.5 per cent in 2025 and followed by the Manufacturing sector with a share of 22.6 per cent.


Net taxes amounted to RM83.5 billion in 2025. The increase was mainly due to higher tax revenue and lower subsidies. Taxes on production and imports expanded by 12.9 per cent, supported by higher collections from services tax and import duties. Meanwhile, subsidies declined by 36.5 per cent following the implementation of the fuel subsidy rationalisation measures.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.


OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
29 JULY 2026


Chart 1: Annual Percentage Change of Income Components

Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: Annual Percentage Change of Compensation of Employees and Share by Sector


Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: Annual Percentage Change of Gross Operating Surplus and Share by Sector



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Performance of Taxes less Subsidies on Production and Imports



Source: Department of Statistics Malaysia